



**PEMERIKSAAN**



**PEMBERSIHAN**



**PENGHARTARAN**

Garis Panduan untuk  
Mengeksport Kontena Laut  
ke New Zealand





**PEMERIKSAAN**



**PEMBERSIHAN**



**PENGHARTARAN**

## **Kontena Laut yang Bersih dan Tidak Dicemari**

Arahan kepada pembungkus dan pengeksport ke New Zealand

New Zealand adalah negara kepulauan terpencil yang amat bergantung kepada sector pertanian, tanaman, perhutanan dan pelancongan.

Penduduk New Zealand amat mementingkan perlindungan alam sekitarnya yang unik, biodiversity dan kestabilan ekonomi daripada ancaman haiwan perosak dan penyakit yang wujud di negara lain.

New Zealand telah melaksanakan peraturan kuarantin dan pengawalan yang ketat untuk mengimport kontena laut dan kargo.

Risalah ini memberi penerangan bagaimana kamu dapat menolong New Zealand mengelak ancaman haiwan perosak dan penyakit dengan memastikan bahawa kontena laut adalah bersih dan tidak dicemari sebelum dihantar ke New Zealand.

Kegagalan untuk mengikut peraturan tersebut boleh menyebabkan kelewatan dan kos tinggi sementara kontena tersebut diperiksa, dibersihkan atau diberi rawatan lain

Mematuhi arahan dibawah adalah amalan perniagaan yang baik dan akan memudahkan kemasukkan kontena dan kandungannya ke New Zealand.

## **Pemeriksaan Luar Negara Yang Diperlukan: Keadaan Bahagian Dalam Kontena Laut**

Sebelum dimuatkan, pembungkus atau pengeksport mesti mengeluarkan semua bahan, memastikan bahawa kontena adalah bersih dan memeriksa dengan teliti untuk pencemaran seperti berikut :-

- Haiwan
- Serangga atau haiwan yang tak bertulang
- Bekas telur serangga
- Semua bahan yang dibuat daripada haiwan termasuk darah, tulang, daging, rambut, bulu
- Tumbuhan dan bahan tumbuhan termasuk buah, benih, daun, dahan, akar, kulit
- Air dan/atau tanah

Semasa memuatkan pastikan bahawa kontena tidak dicemari tanah dari roda jentera forklift atau kasut.

- Jangan tinggalkan pintu kontena terbuka terlalu lama atau semalam kerana haiwan perosak mungkin masuk
- Jangan gunakan bahan yang dilarang seperti jerami, tayar lama dan lumut
- Kalau dunnage atau bekas kayu digunakan, (contoh: palet, kotak kayu) kayu tersebut mestilah baru, bersih, kering, tiada serangga atau kesan serangan serangga, kulit, berkulat, reput atau busuk.
- Kayu yang telah disembur dengan kimia adalah yang paling sesuai. Cara kayu tersebut di sembur kimia mesti diterangkan dalam dokumen yang dihantar bersama kontena.
- Bekas yang telah disembur dengan kimia akan dipilih untuk masuk New Zealand dahulu.
- Pastikan kawasan muatan kontena tidak ada haiwan perosak

## **Pemeriksaan Luar Negara Yang Diperlukan: Keadaan Bahagian Luar Kontena Laut**

Kontena patut dimuat atas permukaan yang keras untuk memastikan kebersihan dan mengelak pencemaran. Bahagian luar semua kontena mesti bersih dan tiada perosak seperti berikut:-

- Pecahan telur
- Rumput
- Serangga/serangga perosak
- Sarang
- Benih
- Siput
- Tanah
- Sarang labah-labah



### **Bahagian Dalam yang Bersih**

Kontena mestilah bersih dan tidak ada tanda pencemaran

? Ok untuk dihantar



### **Bahagian Dalam yang Kotor**

Kalau kontena kotor atau ada tanda pencemaran, ia tidak boleh dihantar

? Jangan dihantar!



### **Bekas kayu : Kulit kayu, reput, berkulat dan ada serangan serangga**

Kalau bekas kayu reput, berkulat atau ada serangan serangga, keluarkan dari kontena

? Jangan dihantar!



### **Bahagian Luar yang bersih**

Kontena mestilah bersih dan tidak ada tanda pencemaran

? Ok untuk dihantar



### **Bahagian Luar yang Kotor**

Kalau kontena kotor atau ada tanda pencemaran, ia tidak boleh dihantar!

? Jangan dihantar!



### **Pencemaran Luar**

Kalau kontena kotor atau ada tanda pencemaran, ia tidak boleh dihantar

? Jangan dihantar!

## Pensijilan Kontena Laut

Borang Pengisytiharan Kuarantin mesti dilengkapkan oleh pembungkus atau pengeksport untuk semua kontena yang dihantar ke New Zealand.

Pengeksport bertanggung jawab untuk menyediakan maklumat di bawah untuk pengimpot New Zealand atau agennya:

- Nombor kontena
- Negara asal (negara di mana kontena dimuatkan)
- Pelabuhan di mana kontena dimuat atas kapal untuk dihantar ke New Zealand
- Nama pengeksport dan alamat
- Nama pengimport dan alamat
- Alamat destinasi kontena dan kandungannya di New Zealand (sepatutnya sebuah Transitional Facility yang diluluskan untuk devanning atau menyimpan kontena)
- Penerangan yang lengkap dan tepat mengenai kandungan dan bahan bungkusan.
- Pengisytiharan kuarantin boleh didapati daripada :  
**<http://www.maf.govt.nz/transitional-facilities>**
- Sijil penyemburan kimia (jika ada)
- Jika kontena atau kargo telah disebarkan kimia, nama penyembur kimia, masa, suhu dan kepekatan kimia mesti dinyatakan dalam sijil yang mengiring kontena

Kontena yang tidak mempunyai penerangan seperti di atas boleh dianggap sebagai bahan berisiko tinggi dan mungkin menempuhi tanggahan dan pemeriksaan tambahan dan kos penyemburan kimia.

Untuk maklumat tentang peraturan impot kontena laut New Zealand sila kunjungi:

**<http://www.maf.govt.nz/transitional-facilities>**  
atau hubungi **[mqsdata@maf.govt.nz](mailto:mqsdata@maf.govt.nz)**



Ministry of Agriculture  
and Forestry  
Te Manatu Ahuwhenua,  
Ngāherehere



Protect New Zealand  
Tiakina Aotearoa  
[www.protectnz.org.nz](http://www.protectnz.org.nz)

# Contoh Borang Pengistiharan Kuarantin

Pengisytiharan Kuarantin yang mesti dihantar bersama Kontena ke New Zealand

## Kepala surat Penbungkus atau Pengekspot Pengistiharan Kuarantin untuk Kontena

Nama Kapal

.....

Nombor Pelayaran

.....

Nombor Kontena

.....

## Pengisytiharan Kebersihan dan Pelarangan Bahan Bungkus

### 1. Kebersihan

Semasa dimuatkan, kontena telah diperiksa bahagian dalam dan luar dan didapati bersih dan tiada pencemaran organisma hidup, bahan yang berasal dari haiwan atau tumbuhan, tanah dan air

YA  TIDAK

### 2. Bahan Bungkus

Adakah tanah, tumbuhan hijau atau lumut tercemar, benda bungkus terpakai, rumput kering, jerami, rumput jerami atau bahan bungkus tercemar terdapat dalam kontena-kontena yang diistiharkan di atas?

YA  TIDAK

### 3. Bahan Bungkus Kayu

Adakah bahan bungkus kayu dipakai didalam kontena contohnya kotak, keranjang besar, palet atau kayu untuk membahagi, menyokong, melindungi kargo yang dihantar?

YA  TIDAK

**3a.** Jika Ya untuk soalan 3, sudahkah kayu itu disembur kimia?

YA  TIDAK

**3b.** Jika Ya untuk soalan 3a, bagaimana kayu itu disembur kimia?

Menulis jawapan di peti 3b

**3c.** Terdapatkah pensijilan semburan kimia untuk kayu itu?

YA  TIDAK

*(Sila tampilkan salinan sijil tersebut)*

Saya mengaku bahawa semua yang ternyata di atas adalah betul dan benar.

Tandatangan

.....

Nama

.....

Jawatan

.....

Tarikh

.....

Jika maklumat yang dikehendaki tidak dinyatakan atau tidak betul, ia mungkin melambatkan dan menambahkan cos kargo bila sampai di New Zealand. Salinan borang pengistiharan ini boleh didapati dari <http://www.maf.govt.nz/transitional-facilities>